# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI THE NEW STRAITS TIMES PRESS ( M ) BERHAD CAWANGAN KUALA TERENGGANU

OLEH

YAU LEONG YEW

Sarjana Muda Pengurusan
( Pengurusan Pemasaran )

Laporan Latihan Industri Diserah Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
( KUSTEM )

2005

: 2746

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039420

LI 108 FPE 4 2005

1100039420
Laporan akhir latihan industri di The New Straits Times Press (M) Berhad Cawangan Kuala Terengganu / Yau Leong Yew.

Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia ★ Perpustakaan

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

| 1100039420 | | |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah

LI
108
FPE
4
2005

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI THE NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BERHAD CAWANGAN KUALA TERENGGANU


**Oleh**

**YAU LEONG YEW**
**Sarjana Muda Pengurusan**
**(Pemasaran)**


Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada


Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)


**2005**

1100039420

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Yau Leong Yew mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

__________________________

**Nama: Yau Leong Yew**

**Tarikh:** 14/11/05

**Disahkan oleh:**

__________________________

**Penyelia KUSTEM**
**b/p Pengerusi Latihan Industri**
**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**
**KUSTEM**

MAZNAH SALLEH
Lecturer
Department of Management & Marketing
Faculty of Management and Economics
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
KUSTEM

## PENGHARGAAN

Saya berasa amat syukur kerana saya telah berjaya menamatkan latihan industri selama dua belas minggu yang bermakna ini di The New Straits Times Press (M) Berhad Cawangan Kuala Terengganu serta laporannya. Walaupun wujud sedikit kesukaran dan kesulitan pada permulaannya, saya tetap dapat mengatasinya dengan adanya sokongan serta bantuan daripada pihak-pihak berkenaan.

Dengan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada mereka yang telah menolong saya untuk menjayakan laporan latihan industri ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak KUSTEM kerana telah berjaya mewujudkan Program Latihan Industri ini. Tanpa KUSTEM, saya tidak akan berpeluang memperoleh ilmu dan pengalaman yang sebenar dalam alam pekerjaan. Tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih kepada urusetia program ini kerana bertungkus-lumus menyediakan dan menyiapkan segala keperluan latihan industri ini.

Di samping itu, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Puan Maznah Salleh selaku penyelia KUSTEM saya. Tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan oleh beliau amat membantu saya menghasilkan

laporan latihan industri saya. Beliau sangat prihatin dan ikhlas untuk membantu saya.
Sementara itu, saya juga tidak lupa mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia industri saya iaitu Encik Azhar Ahmad serta kakitangan-kakitangan lain di The New Straits Times Press (M) Berhad Cawangan Kuala Terengganu. Tanpa mereka, saya tidak akan dapat menjalankan latihan industri dengan lancar dan sempurna. Mereka telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya dengan hati yang ikhlas dan sabar.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga dan rakan-rakan saya kerana memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada saya untuk menghasilkan laporan latihan industri ini.

Terima kasih.

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

# ISI KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Senarai Rajah | viii |
| Senarai Jadual | ix |
| Senarai Lampiran | x |
| Ringkasan Eksekutif | xi |
| Bab 1: Latar Belakang Organisasi | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.1.1 Sejarah Ringkas Dan Latar Belakang Organisasi | 1 |
| 1.1.2 Sejarah Ringkas Dan Latar Belakang Akhbar New Straits Times | 2 |
| 1.1.3 Sejarah Dan Latar Belakang Akhbar Berita Harian | 3 |
| 1.1.4 Sejarah Ringkas Dan Latar Belakang Harian Metro | 4 |
| 1.1.5 Sejarah Dan Latar Belakang The Malay Mail | 6 |
| 1.1.6 Sejarah Ringkas Dan Latar Belakang NIE Dan ADD | 6 |
| 1.1.7 Misi Organisasi | 7 |
| 1.1.8 Matlamat Organisasi | 7 |
| 1.1.9 Strategi Organisasi | 7 |
| 1.1.10 Pemilikan | 8 |
| 1.1.11 Tumpuan Pasaran | 9 |
| 1.1.12 Pendekatan Untuk Memajukan Organisasi | 9 |
| 1.2 Maklumat Organisasi | 11 |

1.3 Carta Organisasi 13

1.3.1 Jabatan Pengedaran 16

1.3.2 Jabatan Pengiklanan 16

1.3.3 Jabatan Pengarang 17

1.4 Aktiviti Organisasi 19

1.5 Kemahiran Yang Ingin Dipelajari 21

Bab 2: Pengenalpastian Masalah Dan Cadangan Penyelesaian 23

2.1 Jabatan Sumber Manusia, Bahagian Pembayaran Gaji 23

2.1.1 Mengesan Sistem Sedia Ada 23

2.1.2 Pengenalpastian Masalah 26

2.1.3 Rumusan Analisis Dan Perbincangan 27

2.1.4 Cadangan Penyelesaian 28

2.1.5 Pelaksanaan Cadangan Dan Implikasi 30

2.2 Jabatan Pengedaran 32

2.2.1 Mengesan Sistem Sedia Ada 32

2.2.2 Pengenalpastian Masalah 37

2.2.3 Rumusan Analisis Dan Perbincangan 38

2.2.4 Cadangan Penyelesaian 39

2.2.5 Pelaksanaan Cadangan Dan Implikasi 41

2.3 Jabatan Perakaunan, Bahagian Kutipan Bayaran 43

2.3.1 Mengesan Sistem Sedia Ada 43

2.3.2 Pengenalpastian Masalah 46

2.3.3 Rumusan Analisis Dan Perbincangan 47

2.3.4 Cadangan Penyelesaian 48

2.3.5 Pelaksanaan Cadangan Dan Implikasi 49

Penutup 51

Rujukan 53

Lampiran 54

## SENARAI RAJAH

Rajah 1: Carta Organisasi The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad Cawangan Kuala Terengganu 15

Rajah 2: Sistem Pembayaran Gaji Dan Bayaran lebih Masa 24

Rajah 3: Cadangan Sistem Pembayaran Gaji Dan Bayaran lebih Masa 28

Rajah 4: Sistem Pengedaran Surat Khabar 33

Rajah 5: Cadangan Sistem Pengedaran Surat Khabar 39

Rajah 6: Sistem Kutipan Bayaran 44

**SENARAI JADUAL**

Jadual 1: Senarai Harga Jualan Jenis Surat Khabar Di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak Dan Brunei Darussalam 36

## SENARAI LAMPIRAN


| | |
|---|---|
| Lampiran 1: Logo The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad | 55 |
| Lampiran 2: Contoh Akhbar Dan Akhbar Sisipan | 57 |
| Lampiran 3: Ibu Pejabat The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad | 62 |
| Lampiran 4: Loji-loji Percetakan Daerah | 64 |
| Lampiran 5: Pusat Latihan Sri Pena | 66 |
| Lampiran 6: Senarai Alamat Ibu Pejabat, Pejabat-pejabat Cawangan Dan Loji-loji Percetakan Daerah | 68 |
| Lampiran 7: Senarai Ahli-ahli Lembaga Pengarah | 73 |
| Lampiran 8: Pembentangan Laporan Akhir (Power Point) | 76 |

# RINGKASAN EKSEKUTIF

The New Straits Press (Malaysia) Berhad Cawangan Kuala Terengganu merupakan salah sebuah pejabat cawangan darpada sembilan belas buah di seluruh Malaysia termasuk negeri Sabah dan Sarawak. The New Straits Press (Malaysia) Berhad ialah sebuah organisasi penerbitan surat khabar yang tertua dan terbesar di Malaysia. Perniagaan utama yang dijalankan oleh organisasi ialah penerbitan dan penjualan surat khabar.

Terdapat empat jenis surat khabar yang diterbit dan dijual oleh organisasi, iaitu akhbar 'New Straits Times' atau 'New Sunday Times', akhbar Berita Harian atau Berita Minggu, akhbar Harian Metro atau Metro Ahad, dan akhbar 'The Malay Mail' atau 'Sunday Mail'. Organisasi juga memiliki empat buah kilang percetakan di Semenanjung Malaysia.

Sepanjang latihan industri selama dua belas minggu yang lalu, pelatih telah memerhatikan sistem yang sedia ada di Jabatan Sumber Manusia, Bahagian Pembayaran Gaji, Jabatan Pengedaran, dan Jabatan Perakaunan, Bahagian Kutipan Bayaran. Antara sistem-sistem yang diperhatikan ialah sistem pembaran gaji dan bayaran lebih masa dan sistem pengedaran yang sedia ada di Jabatan Sumber Manusia, Bahagian Pembayaran Gaji dan Jabatan Pengedaran masing-masing. Sementara itu, sistem yang diperhatikan di Jabatan Perakaunan, Bahagian Kutipan Bayaran ialah sistem kutipan bayaran.

Kelemahan yang dapat ditemui daripada sistem-sistem tersebut ialah tiada penggunaan rekod waktu bekerja yang bersistematik, kelemahan pada sistem pengedaran, dan penggunaan perisian komputer yang lama. Untuk mengelakkan masalah tersebut terus merebak, pelatih telah mencadangkan beberapa alternatif bagi mengatasi masalah-masalah tertentu. Walaupun masalah-masalah tersebut tidak begitu serius, akan tetapi jika tidak dicari jalan penyelesaiannya, ia akan menimbulkan masalah yang serius pada masa kelak lagi.